

Kertas Utama

Pengukuhan dan Pementapan Aqidah Islamiah Dalam Kalangan Umat Islam Masakini Bagi Menghadapi Isu dan Cabaran Abad Ke 21

Prof. Madya Dr Adnan Abd Rashid

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

adnan@iium.edu.my

Abstrak

Tujuan kertas kerja ini untuk membicarakan tentang usaha pengukuhan Aqidah Islamiah dalam kalangan umat Islam bagi menghadapi isu dan cabaran Abad ke-21. Aqidah adalah kepercayaan umat Islam kepada Allah yang Esa yang wajib dipegang dengan kukuh yang tidak dapat dilebur dengan api yang panas. Setiap ruang kehidupan seseorang mukmin terikat dengan ikatan kemas (*murtabid*) iaitu aqidah yang terpasak dengan penuh kekuatan dan keyakinan. Namun begitu dalam memiliki aqidah dan keimanan yang kukuh tidak bermakna kita umat Islam boleh hidup di zon selesa di dunia ini tanpa diuji oleh Allah swt. seperti firman Allah bermaksud, “Adakah manusia menganggap bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: kami beriman, sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan atau cabaran?)” al-Ankabut : 2. Ujian dan cabaran umat Islam di abad ke-21 ini amat dahsyat sekali di mana aqidah umat Islam terhakis dan musnah oleh anasir-anasir *dajjalun* dan *ya'juzun wa ma'juzun* seperti penyalahgunaan media elektronik dan teknologi yang canggih, pengaruh sekularisme, pengaruh internet, kehidupan berteraskan materialisme, hedonism, ajaran sesat dan sebagainya. Inilah di antara cabaran-cabaran aqidah umat Islam masakini yang mana secara langsung atau tidak langsung aqidah umat Islam tergugat, membarah dan menuju kerosakan. Kertas kerja ini berusaha mengemukakan langkah dan usaha-usaha memperkukuhkan aqidah umat Islam masa kini. Di antara usaha memperkukuh dan memantapkan aqidah atau keimanan ialah memperkemas ilmu dan amalan, menjatidirikan individu Muslim dengan KPIA (*key performance index for akhirah*), pengurusan diri individu muslim (*self-management*), memperkemaskan kunci amalan, penggunaan teknologi dan penghayatan ajaran Islam berteraskan penyelidikan ilmiah dan akhirnya memantapkan individu muslim sebagai manusia pilihan Allah. Kesimpulannya, dengan pengukuhan aqidah umat Islam masakini akan mengembalikan umat Islam kepada individu muslim atau modal insan yang cemerlang serta *khairun ummah*.

Kata-kata kunci: Isu dan Cabaran abad ke-21, Aqidah dan pengukuhannya dan Modal insan yang cemerlang serta *khairun ummah*.

Pengenalan

Aqidah adalah kepercayaan umat Islam kepada Allah yang Esa yang wajib dipegang dengan kukuh yang tidak dapat dilebur dengan api yang panas. Setiap ruang kehidupan seseorang mukmin terikat dengan ikatan kemas (*murtabid*) iaitu aqidah yang terpasak dengan penuh kekuatan dan keyakinan. Di dalam al-Quran Allah swt memberi perbandingan *kalimah tayyibah* yakni *kalimah* tauhid (*Lailahailallah*) seperti akar tunjang yang teguh sebatang pokok yang baik yang tidak mudah dicabut atau digoyang angin. Maksud ayat: “*Tidakkah engkau melihat bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu kalimah yang baik adalah sebatang pohon yang baik, yang akar tunjangnya tetap teguh,..*”¹ Begitulah aqidah kepercayaan umat Islam yang sewajarnya mempunyai kekuatan dan keyakinan yang teguh dan sedikitpun tiada keraguan padanya. Maksud ayat: “*Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman ialah orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya kemudian mereka tidak ragu-ragu lagi,..*”² Maksud ayat al-Kahfi: “*Dan Kami kuatkan hati mereka, semasa mereka bangun mereka berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang Mencipta dan Mentadbir langit dan bumi; kami tidak akan menyembah Tuhan yang lain selain-Nya..*”³ Menjaga dan memelihara agama adalah salah satu dari *maqasid al-shari’ah* iaitu menjaga aqidah kepercayaan kepada Allah. Di dalam al-Quran, Allah memapar dan menceritakan kisah *Ashaabul Ukhdud*, *Ashhaabul Kahfi* dan lain-lain kisah yang menjadi iktibar dan pengajaran umat Islam masakini dalam memantapkan aqidah kepercayaan kepada Allah yang Esa dengan sanggup menghadapi apa jua rintangan dan cabaran. Dalam sirah juga ada memaparkan para sahabat Nabi Muhammad saw. seperti Saidina Bilal, Saidatina Sumayyah dan sahabat yang lain yang sanggup berkorban nyawa, jiwa dan raga demi mempertahankan *aqidah islamiyyah* yang sebenar.

Aqidah yang sebenar.

Pengertian aqidah pada bahasa berasal dari perkataan Arab '*aqada*' bermaksud '*tauseeq*' seperti mana firman Allah an-Nisa':21 iaitu bermaksud pengukuhan perjanjian setia. '*Itaqada*' sesuatu bererti *amana bih* 'percaya denganNya' atau 'membenarkan' (dengan hati)⁴ *Tauseeq* membawa maksud, 'perjanjian setia' iaitu perjanjian setia dengan Allah dalam aspek kepercayaan dan kepatuhan pada perintah Allah.⁵ Ilmu aqidah ialah satu ilmu yang digunakan dengannya bagi membuktikan kepercayaan agama yang kukuh ke atas kepercayaan yang lain dalam berhujah dan menolak segala bentuk *syubhah*.⁶ Dengan aqidah yang sah, kukuh dan berkualiti tinggi dapat menghasilkan buah yang seperti berikut:-

- a) Menukar sesuatu taqlid kepada keyakinan yang jitu dan padu.
- b) Memandu para *mustarsyidin* (penasihat/ penyampai keagamaan) dengan keupayaan berhujah dan memberi kefahaman agama yang benar dalam menolak perkara-perkara *syubhah*.
- c) Sentiasa memberi manfaat dan kebaikan kepada orang lain tanpa batasan waktu dan masa dengan izin Allah.
- d) Pengukuhan kesatuan dan persaudaraan yang erat umat Islam.
- e) Berjaya dan berbahagia di dunia dan di akhirat

Namun begitu dalam memiliki aqidah dan keimanan yang berkualiti tinggi tidak bermakna kita umat Islam boleh hidup di zon selesa didunia ini tanpa diuji oleh Allah swt. seperti firman Allah bermaksud, "*Adakah manusia menganggap bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: kami beriman, sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan atau cabaran?)*"⁷ Aqidah yang mantap dan berkualiti tinggi pasti akan berhadapan dengan cabaran dan halangan yang berbagai. Individu mukmin yang istiqamah keimanan dan aqidahnya insyaAllah dapat berhadapan cabaran-cabaran berkenaan dengan berjaya. Firman Allah swt.

bermaksud; “ *Sesungguhnya orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap di atas jalan yang betul, turunlah kepada mereka malaikat dengan berkata: Janganlah kanu bimbang dan janganlah kanu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh Syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.*”⁸ Menurut tafsir Ibn Kathir, ketika meninggal, Malaikat memberi khabar gembira kepada orang yang mempunyai aqidah dan tauhid yang berkualiti tinggi serta bertiqamah keimanannya agar tidak merasa takut, sedih dan berdukacita dengan apa yang di tinggalkan di dunia ini bahkan mereka di khabarkan dengan penempatan baru iaitu Syurga Allah swt.⁹

Isu dan Cabaran Abad Ke-21 Terhadap Aqidah Islamiyyah

Ujian dan cabaran umat Islam di abad ke-21 ini amat dahsyat sekali di mana aqidah umat Islam terpadam, terhakis secara halus, senyap dan perlahan yang akhirnya musnah oleh anasir-anasir *dajjalun* dan *ya'juzun wa ma'juzun* seperti penyalahgunaan media elektronik dan teknologi yang canggih, pengaruh sekularisme, pengaruh internet, kehidupan berteraskan materialisme, hedonisme, ajaran sesat dan sebagainya. Dilema kehakisan secara perlahan dan pencemaran aqidah di era globalisasi, dunia tanpa sempadan di mana segala macam maklumat yang baik, yang buruk, yang sesat, yang memfitnah, buruk sangka dan sebagainya tersebar luas dan pantas di media elektronik dan teknologi yang canggih. Pengaruhnya amat terkesan sekali ke atas sekelian manusia khususnya umat Islam sehingga ada dikalangan umat berubah personaliti dan identiti, berubah kepercayaan agama Islam kepada kesesatan, aqal dan rasional mengatasi panduan syariat agama, berlaku kecairan dan kerosakan aqidah apabila menganggap semua ajaran agama itu sama (pluralisme)¹⁰, fahaman liberalisme merendah-rendahkan martabat dan kedudukan agama Islam, perjuangan hak asasi manusia itu dianggap penting dalam kehidupan sekalipun bertentangan dengan syariat agama, bidang kuasa dan keputusan mahkamah Syari'ah boleh dinafikan, umat Islam sebilangannya tenggelam dan hanyut di dalam

timbunan materialisme di mana agama islam di anggap sebagai ritual dalam keadaan tertentu seperti sambutan perayaan, kematian, upacara perkahwinan dan sebagainya.

Pengaruh sekularisme tiada kurang penting mencacatkan dan merosakkan aqidah kepercayaan umat Islam di mana segala urusan kehidupan dipisahkan dengan agama. Kepercayaan sekularisme yang menganggap agama Islam itu tidak dapat membantu kemajuan dan pembangunan sesebuah negara dan bangsa bahkan menganggap agama pencetus kemunduran umat Islam masakini. Lebih-lebih lagi apabila melihat umat Islam masakini memperlekeh dan menolak undang-undang Allah, saling bertelagah, berbunuhan dan berperang sesama sendiri, melakukan pengeboman berani mati dan lebih ekstrim lagi menganggap Islam pencetus terorisme. Dengan itu agama Islam dipandang negatif oleh orang bukan Islam dan orang Islam sendiri sehingga lahir golongan Islam fobia. Amat mendukacitakan lagi umat Islam sendiri terpengaruh dengan kepercayaan aliran sekularisme terutamanya mereka yang kurang pengetahuan agama dan terdidik dengan pendidikan sekular. Dengan itu timbul bibit kebencian terhadap Islam dan undang-undang Islam oleh umat Islam sendiri.

Pengaruh internet tanpa batas yang menyebar luas ajaran sesat dengan hujah-hujah rasional dan doktrin yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar tidak dapat tidak meruntuh aqidah umat Islam secara halus masa kini. Maklumat ajaran sesat melalui internet mempromosi, menanamkan dan meyakinkan doktrin kepercayaan mereka adalah betul dengan hujah-hujah aqal, rasional atau hadith-hadith palsu. Golongan pembawa dan penyebar ajaran sesat membina laman sesawang tersendiri bagi memudahkan pelayar internet yang berminat dengan ajaran dan fahaman mereka melayari maklumat songsang dan terpengaruh dengan ajaran mereka terutamanya bagi mereka yang dangkal dengan ajaran agama Islam. Tidak hairanlah ada dikalangan umat Islam masa kini bercakap dan mengutarakan pandangan mereka

bercanggah dengan ajaran Islam kerana iman dan aqidah mereka sudah luntur akibat ajaran sesat.

Gaya hidup mengutamakan kebendaan atau materialisme dalam kehidupan juga merupakan antara unsur penghakisan dan kerosakan aqidah umat Islam masakini. Pernyataan seperti “ Ada duit semua jadi” mengatasi ayat-ayat Allah swt “ *Sesungguhnya kekuasaanNya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu , hanyalah Ia berfirman: berfirman, Kun fayakun jadilah engkau maka jadilah ia*”¹¹ Pada hakikatnya manusia sentiasa bergantung kepada Allah segala urusan kehidupan mereka “*Allah Hus Samad*”¹², setelah mereka berusaha dan berdoa dan bertawakkal padaNya. Namun fahaman materialisme menguasai diri umat masakini menyebabkan mereka meletak kebendaan di hadapan mereka dan membelakangi kekuasaan Allah dalam urusan kehidupan mereka. Mereka menganggap kebendaan itu segala-segala boleh merubah warna kehidupan mereka. Tanpa disedari fahaman sebegini merosakkan aqidah kepercayaan mereka.

Budaya hedonisme melanda umat manusia masakini samada muslim atau bukan muslim. Bila individu mengenyepikan agama di dalam kehidupan maka jiwa mereka tidak keruan, gelisah dan kontang. Sedangkan orang mukmin yang mantap aqidahnya dengan izin Allah jiwa mereka akan tenang kerana sentiasa mengingat Allah swt “*Iaitu orang yang beriman dan tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia*”¹³. Bila jiwa individu tenggelam dalam kegelisahan dan tidak tenteram maka ia mencari jalan keluar bagi menghiburkan hati dengan hiburan dan amalan-amalan yang kononnya boleh mengubat jiwa dan mententeram hati seperti berfoya-foya, LGBT, mengambil dadah, meminum arak , hiburan yang melampau dan sebagainya. Pada hakikatnya amalan hedonisme ini merosakkan aqidah umat Islam kerana perlakuan tidak bermoral yang tidak mengenal haram dan halal dan terang-terangan melanggar batasan syari’ah dan ajaran Islam.

Inilah di antara cabaran-cabaran aqidah umat Islam masakini yang mana secara langsung atau tidak langsung aqidah umat Islam terhakis, membarah dan menuju kerosakan. Dengan itu satu keperluan dan kewajipan kepada umat Islam masakini memperkukuhkan aqidah mereka demi keselamatan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Pemantapan dan pengukuhan aqidah umat Islam di abad ke 21.

a) Ilmu dan amal

Benteng utama dalam memperkukuhkan iman dan aqidah umat Islam masakini ialah ilmu secara umum dan ilmu agama khususnya bagi umat Islam. Pentingnya ilmu boleh dilihat di awal penciptaan Nabi Adam as., Allah mengurniakan kepadanya ilmu dalam mengharungi rintangan hidup sebagai manusia. Firman Allah swt bermaksud: “*Dan Ia telah mengajar Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya...*”¹⁴ Begitu juga Baginda Nabi Muhammad saw. diwahyukan dengan *Iqra’* (bacalah)¹⁵ iaitu wahyu pertama yang menerangi kehidupan umat Islam sehingga kini. Oleh yang demikian setiap individu muslim tidak dapat tidak mempersiapkan diri dengan ilmu agama yang mantap sehingga ke satu tahap kemenjadian muslim dan mukmin yang takut pada Allah. “*Sebenarnya yang takut kepada Allah dari kalangan hambaNya hanyalah orang yang berilmu*”¹⁶ Ilmu yang bagaimana boleh mencapai tahap ini? Pada hakikatnya Islam tidak melarang umatnya meneroka dan mencari ilmu yang berbagai disiplin selagi ilmu tidak bercanggah dengan aqidah dan syari’at islamiyyah. Ilmu-ilmu yang berbagai itu di syaratkan mesti ada refleksi ketuhanan dan kepercayaan kepada Allah.¹⁷ Ilmu yang berteraskan aqidah dan kepercayaan kepada Allah akan menjuruskan manusia kepada sifat syukur dan ketaqwaan kerana setiap ilmu membawa kepada kesimpulan bagi memuji kebesaran Allah yang Maha Kuasa dan Agung.¹⁸ Setiap ilmu yang dipelajari atau diselidiki akan menemukan kepada pencarinya hasil dapatan yang unik yang dicipta oleh Pencipta terbaik iaitu Allah swt. “*Maka nyatalah*

kelebihan Allah sebaik-baik Pencipta”¹⁹. Oleh itu ilmu yang dihubungkan dengan aqidah sudah pasti mengukuhkan benteng aqidah seseorang mukmin tetapi sekiranya setiap disiplin ilmu yang memisahkan dengan aqidah sudah tentu ia tidak memberi kesan apa-apa kepada individu. Dalam konteks ini setiap disiplin ilmu terutamanya dari Barat itu semestinya di islamisasikan agar penuntut ilmu mendekatkan diri kepada Allah dan menjadi hamba Allah yang bertaqwa.

Selain dari itu, dalam konteks yang lebih khusus kepada umat Islam, ilmu aqidah atau keimanan wajib dijadikan ilmu teras dalam semua cabang ilmu seperti Luqman mengajar anaknya, maksud ayat; *“Dan takala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya; wahai anakku , janganlah engkau mempersekutukan Allah sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”*²⁰. Kurikulum ilmu aqidah perlu diterapkan dari peringkat awal pendidikan iaitu peringkat sekolah rendah dan ada kesinambungan diperingkat menengah dan universiti. Urutan ilmu aqidah disesuaikan di semua peringkat pendidikan rendah, menengah dan institusi pendidikan tinggi supaya dapat memberi kefahaman yang sahih dan benar seterusnya menjadi pegangan yang kukuh pada individu yang melalui proses pendidikan ini. Kementerian pendidikan wajar memberikan ketegasan dalam pelaksanaan kurikulum aqidah di semua peringkat agar aqidah yang ditanam di dalam hati terpasak kemas dan berkualiti tinggi. Kepercayaan dan keyakinan dari aqidah yang berkualiti tinggi ini mesti diterjemahkan dalam bentuk amalan soleh dan *husnul khuluq*²¹ yang boleh menjadi cermin kehidupan umat manusia.

Budaya ilmu dalam Islam yang diamalkan pada zaman Nabi saw. di mana para sahabat baginda saw. mempelajari sepuluh ayat lalu memahami dan beramal dengannya dalam diri dan keluarga mereka kemudian baru mempelajari ilmu seterusnya. Di sini

ilmu dalam perspektif Islam setiap ilmu yang pelajari wajib diamal dalam kehidupan harian.

Hadith *marfu'* dari Abu Abdullah Ibn Mas'ud, beliau berkata, apabila kami telah belajar dari Nabi saw. dari sepuluh ayat dari al-Quran, kami tidak akan belajar dari sepuluh yang diturunkan selepas itu sehinggalah kami mengetahui apa yang ada padanya. Ditanya padanya adakah amal? Beliau berkata; Ya!.²² Berbanding dengan umat Islam masa kini ilmu yang dipelajari merupakan informasi/maklumat untuk bercakap dan berbahas/berhujah sesama sendiri hingga berlaku pertelagahan. Oleh yang demikian kita umat Islam masakini bagi memperkukuhkan dan memantapkan aqidah yang berkualiti tinggi perlu mengikut contoh para sahabat Nabi saw iaitu mempelajari ilmu, memahaminya dan terus beramal dengannya terutama ilmu-ilmu Islam untuk diri sendiri dan keluarga. Ini boleh memantapkan Aqidah umat Islam masakini.

b) Pemantapan individu

i) Persiapan diri *Key Performance Indicator for Akhirah (KPIA)*

Dalam sesebuah organisasi atau badan industri yang mementingkan kejayaan dan pencapaian sasaran objektif, kelazimannya mereka meletakkan *Key Performance Indicator (KPI)* iaitu satu set ukuran yang digunakan untuk mengukur kejayaan operasional mereka. KPI membantu organisasi memastikan seberapa jauh kemajuan dan tujuan yang telah dan akan dicapainya. Secara perbandingannya setiap individual mukmin dapat di umpamakan sebuah organisasi mahukan kejayaan yang besar di akhirat iaitu memasuki *Jannah* atau Syurga Allah. *Jannah* tidak akan dapat dimasuki melainkan dengan aqidah yang berkualiti tinggi dan keimanan yang mantap setelah diuji dan memenuhi sasaran amalan soleh. Oleh itu setiap mukmin yang mahukan kejayaan semestinya meletakkan sasaran amalan di dunia untuk akhirat iaitu *Key*

Performance Indicator for Akhirah (KPIA). Sepertimana firman Allah yang bermaksud: *Wahai orang-orang beriman bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan untuk hari esok.*²³ Oleh itu apakah sasaran KPIA seseorang mukmin iaitu amalan soleh yang hendak dicapai secara harian, bulanan dan tahunan. Seperti sasaran berzikir berapa banyak sehari? berselawat ke atas Nabi saw. berapa kali sehari? Solat Dhuha? Bertahajjud? Penetapan sasaran amalan soleh hari ini (di dunia) untuk hari esok (di akhirat) tidak dapat tidak dapat memantapkan aqidah seseorang mukmin.

ii) Pengurusan sifat keakuan (*selfish management*) dan *key of action*; *sabr*

Kejayaan umat Islam terdahulu terutamanya di zaman Rasulullah saw. dan para sahabat yang mana mereka mempunyai keimanan dan kekuatan aqidah yang berkualiti tinggi adalah kerana mereka terdidik dengan madrasah Nabi saw. Di antara didikan yang diterima ialah pegurusan diri dari sifat pentingkan diri sendiri (*ananiah*) kepada sifat mengutamakan kebaikan, kegembiraan dan kebajikan orang lain (*altruism*) melalui *selfish management*. Contohnya hadith yang bermaksud: *“Tidak beriman seseorang dari kamu sehinggalah ia menyayangi saudaranya seperti ia menyayangi dirinya sendiri”*.²⁴ Mereka juga mempraktikkan ayat al-Qur’an iaitu firman Allah bermaksud: *“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai kebaikan atau kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu belanjakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.”*²⁵ Pengamalan dan penghayatan didikan sebegini dapat merendahkan sifat ego seseorang individu mukmin sehingga ia menjadi individu mukmin yang sentiasa bersedia untuk menawarkan apa sahaja kebaikan dan berkorban diri untuk kebajikan demi kepentingan saudaranya yang lain. Inilah didikan yang mengeratkan kasih sayang dan persaudaraan sesama Islam yang kukuh. Didikan seperti ini (*selfish management*) wajar dipraktik

dan menjadi amalan umat Islam masakini demi memupukkan aqidah dan keimanan yang berkualiti tinggi.

Untuk amalan seperti ini mestilah disertai dengan *key of action* iaitu kesabaran yang berkualiti tinggi. Kesabaran merupakan satu perintah dari Allah kepada Baginda Nabi saw. seperti firman Allah bermaksud: “*Dan sabarlah dirimu bersama orang yang menyeru Tuhan mereka pada pagi dan petang,...*”²⁶ Kesabaran yang ada pada diri Rasulullah amat berkualiti tinggi yang perlu di contohi oleh semua umat Islam dalam memperkukuhkan aqidah. Dalam ertikata yang lain setiap aktiviti, perlakuan dan tindakan dalam kehidupan seseorang individu muslim semestinya dilengkapkan dengan sifat sabar sepertimana yang diamalkan oleh Baginda Nabi saw. dan para sahabat. Sesungguhnya nilai kesabaran yang berkualiti tinggi dalam diri setiap individu muslim meningkatkan kualiti tinggi aqidah bagai bunga-bunga yang mekar indah seperti cahaya Islam itu sendiri.

iii) Kesedaran dan meyakini diri sebagai individu pilihan Allah

Pada hakikatnya, setiap individu yang bernama manusia, dilahirkan ke dunia ini adalah makhluk pilihan Allah (*selected by Allah*). Di awal kejadian manusia selepas kejadian Nabi Adam as., manusia terjadi dari pancutan air mani yang terdiri dari tiga juta sel sperma yang masuk ke rahim wanita, namun hanya satu sel sperma sahaja yang berakhir dengan kejadian seorang manusia yang keluar ke bumi ini. Kemudian manusia dipilih sebagai makhluk sebaik-baik kejadian dan kemuliaan. Alhamdulillah kita dipilih dengan anugerah keimanan dan aqidah yang benar (*fitrah*), dipilih menjadi khalifah di muka bumi, dipilih menjadi baik dan saleh dengan anugerah ilmu dan seterusnya bakal dipilih sebagai *muttaqin* dan bakal penghuni Syurga (*Jannah*). Sekiranya individu mukmin sedar bahawa ia sebagai makhluk pilihan Allah maka ia perlu sentiasa

bersyukur dan bertambah keimanan kepada Allah. Dengan kesedaran ia adalah pilihan Allah dan mahu dipilih ke Syurga Allah swt., seseorang mukmin sentiasa ingin mencapai mukmin yang sebenar dan berlumba membuat kebaikan (*fastabiqul khairat*) dan kebajikan pada jalan Allah. Usaha-usaha sebegini dapat mempertingkatkan keimanan, ketaqwaan dan kemantapan aqidah. Oleh itu kesedaran individu mukmin sebagai makhluk pilihan Allah dan bakal terpilih ke *Jannah* wajar ditanam dan dipupuk ke dalam jiwa umat Islam masakini.

c) Teknologi dan penghayatan agama Islam.

Kemajuan teknologi masakini amat berguna dalam memantapkan iman dan aqidah sekiranya seseorang mukmin menggunakan dengan cara yang betul dan sejahtera. Banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadith boleh dibuktikan dan dijelaskan dengan kecanggihan teknologi dan memajukan umat Islam terkehadapan berdasarkan kajian-kajian ilmiah. Secara tidak langsung boleh mengajar umat Islam elemen berfikir aras tinggi (HOT) dalam mentadabbur kebesaran dan kekuasaan Allah swt. Contoh Mukjizat disebalik pembinaan Masjid Sana'a Yaman di buktikan hari ini dengan satelit arah koordinat yang tepat apabila Nabi Muhammad saw. memerintahkan Wabara ibn Yuhannas Al-Ansari ke Sana'a dan membina masjid di Sana'a dihalakan arahnya ke kanan gunung iaitu yang bernama Gunung Deyn.²⁷ Hari ini kemajuan teknologi setelit membuktikan semua ini iaitu arah kiblat yang tepat dari masjid Sana'a ke arah kiblat di Mekah. Umat Islam boleh mentadabbur ayat-ayat Allah di dalam al-Qur'an melalui bukti yang saintifik seperti ayat: al-Baqarah:26, bagaimana kehalusan dan keseniaan Allah mencipta nyamuk, ayat an-Naba':10 kejadian malam untuk tidur dan dipakaikan, ayat al-Gasyiyah:17 yang mengajak umat Islam mengamati kejadian unta dan sebagainya. Di sini dapat disimpulkan bahawa dengan Iman+Aqal (*thinking*) and Tadabbur+Teknologi= Aqidah berkualiti tinggi. Justru itu umat Islam kini perlu ada

pusat kajian ilmiah secara saintifik bagi menterjemahkan asas-asas ilmu al-Quran dan hadith dengan kehidupan masa kini dan mengenegahkan bukti saintifik kepada seluruh manusia bagi mengenali Allah swt. adalah sebaik-baik Maha Pencipta untuk diimani.

Kesimpulan

Aqidah berkualiti tinggi dan mantap, melahir umat berjaya (*champion*)

Ayat al-Baqarah bermaksud “...*dan maafkanlah kami dan ampunlah kami dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah penolong kami; maka tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.*”²⁸

Inilah du’a umat Islam yang sering dibaca dan didu’a bagi memperoleh kemenangan ke atas orang kafir. Apakah du’a ini meminta Allah semata-mata mejahanamkan dan memusnahkan orang kafir? Kalau inilah du’a umat Islam tidakkah, ia bertentangan dengan ayat: “*Tiadalah Kami mengutuskan kamu melainkan menjadi rahmat pada sekalian ‘alam.*”²⁹ Memang ayat du’a ini meminta Allah memenangkan umat Islam di dunia dan di akhirah terhadap orang kafir yang menyesatkan dan memesongkan aqidah umat Islam. Namun sekiranya umat Islam pergi lebih jauh lagi dalam mentadabbur ayat ini, sebenar kita umat Islam berdu’a kepada Allah memenangkan kita dilandakan “*khairu ummah.*” iaitu meminta supaya umat Islam menjadi umat yang terbaik ke atas umat manusia yang lain. Kita memohon Allah agar menjadikan umat Islam yang *champion* dalam semua aspek kehidupan seperti *champion* aspek akhlaq dan tingkahlaku, ilmu dan pendidikan, sains dan teknologi, ekonomi, penyelidikan dan muamalat, kemajuan dalam pemikiran dan seterusnya menjadi *khalifahtulLah* yang terbaik dimana dapat menjadi *role model* kepada sekalian umat manusia. Untuk mendapatkan kemenangan, Allah swt berfirman yang bermaksud: “*Wahai orang-orang*

yang beriman, kalau kamu menegak agama Allah nescaya Allah memenangkan kamu dan meneguhkan tapak pendirian kamu."³⁰ Dengan bekal dan pencapaian aqidah yang berkualiti tinggi dan mantap boleh menjulang umat Islam ke tahap yang sepatutnya dan jauh terkehadapan (*champion*) terhadap orang kafir dengan istilah *khairun ummah* dan umat yang cemerlang. Cemerlang di dunia dan cemerlang serta bahagia di akhirat.

End Notes

- ¹ Al-Qu'ran : Ibrahim: 24
- ² Al-Qur'an: al-Hujarat: 15
- ³ Al-Qur'an: al-Kahfi:14
- ⁴ *Mu'jam al-wajiz*, Egypt: Ministry of Education, ms. 25, 426
- ⁵ Al-Qur'an: al-Baqarah: 63, 84
- ⁶ 'Adhdu Addin Abdul Rahman bin Ahmad al-Inji, (1997), *Kitab al-Mawaqif, Daru al-Jil* : Beirut. ms.7
- ⁷ Al-Qur'an: al-Ankabut : 2
- ⁸ Al-Qur'an Fussilat : 30
- ⁹ Ibn Kathir, (2007) *Shahih* Tafsir Ibn Kathir, Terjemahan,Pustaka Ibn Kathir: Bogor, Indonesia, Jilid 8, ms 105 -108
- ¹⁰ Mohd Aizam bin Mas'od, (2013), *Diskusi Isu Aqidah & Pemikiran Pemasa di Malaysia*,Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, ms. 189
- ¹¹ Al-Qur'an: Yasin: 82
- ¹² Al-Qur'an: al-Ikhlash: 2
- ¹³ Al-Qur'an: al-Rad:28
- ¹⁴ Al-Qur'an: al-Baqarah: 31
- ¹⁵ Al-Qur'an: Iqra': 1
- ¹⁶ Al-Qur'an: Fatir:28
- ¹⁷ Al-Qur'an: Iqra': 1
- ¹⁸ Al-Qur'an: Ali-Imran: 191
- ¹⁹ Al-Qur'an: al-Mukminun: 14
- ²⁰ Al-Qur'an: Luqman: 13
- ²¹ Adnan Abd Rashid (2015) *Understanding Punishment in Islamic Law from Educational Perspective*, IIUM Press: Kuala Lumpur, ms. 40
- ²² *Al-Jame' Su'bu al-Iman*, (384H – 458H) Imam al-Hafiz Abi Bakar Ahmad bin Husein al-Baihaqi: *Maktabah al-Rusd*, no.1084.
- ²³ Al-Qur'an: al-Hasyr: 18
- ²⁴ Bukhari, *Sahih*,(1977) translated by Muhammad Muhsin Khan, Riyadh: Darussalam Publishers and Distributors, vol. 1, no. 7
- ²⁵ Al-Qur'an: Ali-Imran: 92
- ²⁶ Al-Qur'an: al-Kahfi:28
- ²⁷ Sulaiman bin Ahmad bin Ayub Tabrani Abu Qasim,(260H- 360H), *Al-Mu'jam Al-Awsat*, Dar Haramain: Kaheerah, vol. 1, no. 253
- ²⁸ Al-Qur'an: al-Baqarah:286
- ²⁹ Al-Qur'an: al-Anbiya':107
- ³⁰ Al-Qur'an: Muhammad: 7